

**Arahan : Pilih Kata Majmuk yang sesuai untuk melengkapi ayat di bawah.**

|             |              |               |                |
|-------------|--------------|---------------|----------------|
| suri rumah  | surat khabar | tali leher    | merah jambu    |
| lalu lintas | kereta kebal | salah faham   | ibu jari       |
| jam tangan  | harta pusaka | pakaian sukan | mata pelajaran |

1. Tentera Darat Diraja Malaysia menggunakan \_\_\_\_\_ untuk mempertahankan tanah air daripada serangan penceroboh.
2. Kesesakan \_\_\_\_\_ berpunca daripada lampu isyarat yang tidak berfungsi.
3. Murid sekolah SK Taman Anggerik dikehendaki untuk memakai \_\_\_\_\_ untuk acara senam robik pada hari esok.
4. \_\_\_\_\_ tangan Karim berdarah kerana terhiris pisau yang tajam.
5. Siti sentiasa mengulang kaji semua \_\_\_\_\_ selepas kelas atas talian bersama gurunya.
6. Datuk telah mewasiatkan sejumlah \_\_\_\_\_ kepada semua anaknya.
7. Ibu Raihan menjadi seorang \_\_\_\_\_ sepenuh masa sejak berhenti kerja setahun yang lalu.
8. \_\_\_\_\_ antara Habib dan Khairul telah diselesaikan oleh Cikgu Azam.
9. Ayah telah menghadiahkan sebuah \_\_\_\_\_ kepada ibu sempena Ulang Tahun Kelahirannya.
10. Pakcik Tan masih membeli \_\_\_\_\_ lama untuk dijual di pekan.
11. Abang membeli \_\_\_\_\_ baharu sempena hari pertama dia memasuki alam pekerjaan.
12. Tema baju raya keluarga Haris tahun hadapan adalah warna \_\_\_\_\_.